

## **KONSEP DAN PENDEKATAN INTEGRATIF DALAM PENDIDIKAN NASIONAL DAN PENDIDIKAN ISLAM**

*Integrative Concept And Approaches In National Education And Islamic Education*

Muhammad Zein<sup>1</sup>  
Aizan Binti Ali @ Mat Zin<sup>2</sup>

### **Abstract**

*Islamic integrated education was introduced by Muslim scholars since the Abbasiah Caliphate (750M-1258M). They promoted the same terminology i.e. integrated, integration, integral and integrative. In fact, national schools and Madrasah Indonesia use the same curriculum. However, national schools does not focus on Islamic education. Therefore, Madrasah plays an important role in disseminating islamic education. This article scrutinizes the concept and approaches of integrated islamic education in Indonesia. The qualitative research uses three methods of data collection which are documentation, interview and observation. Findings show that the concept and approaches in the integrated education will intertwine revealed and required knowledge. The application of the notion through a system of 'Surat Keputusan Bersama Tiga Menteri'. Educationist suggest various approaches in the implementation. Firstly, an amalgamation. Secondly, an islamization of required knowledge. Thirdly, a combination of 50% revealed knowledge and 50% required knowledge. In conclusion, this article propose the third to be the future syllabus of national education in Indonesia in line with indonesians aiming for balanced national education and islamic education.*

**Keyword:** *Integrative Education, National Education, Islamic Education, Madrasah*

### **Abstrak**

*Pendidikan Islam integratif telah lama diperkenalkan oleh ulama-ulama semenjak kerajaan Abbasiah pada (750-1258 M). Mereka menggunakan istilah yang sama seperti integrasi, integral dan integratif. Pada hakikatnya sekolah kerajaan dan sekolah madrasah di Indonesia menggunakan kurikulum yang sama. Namun begitu sekolah kerajaan tidak memberi penekanan kepada pendidikan Islam. Oleh itu sekolah memainkan peranan yang penting dalam mengembangkan pendidikan Islam. Artikel ini menyelidik konsep dan pendekatan pendidikan integrasi Islam di Indonesia. Kajian ini merujuk kepada kaedah kualitatif dengan menggunakan tiga cara pengumpulan data iaitu dokumentasi, temubual dan observasi. Pendekatan tersebut dilakukan dengan sistem SKB 3 Menteri (Surat Keputusan Bersama Tiga Menteri). Pelbagai macam cara pendekatan kurikulum integratif yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh pendidikan Islam di Indonesia. Pertama dengan cara melebur (membraur). Kedua dengan cara memasukkan nilai pendidikan agama atau menghubungkan pendidikan*

---

<sup>1</sup> Calon PhD di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan dan Penyelia Calon di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

agama dengan pendidikan akademik atau sebaliknya. Ketiga dengan cara keseimbangan antara 50 peratus pendidikan agama dan 50 peratus pendidikan umum dari aspek peratusnya. Kesimpulannya, artikel ini mencadangkan agar pendekatan ketiga cara tersebut 8menjadi silibus pendidikan nasional di masa akan datang kerana kedua-duanya merupakan tuntutan pendidikan nasional dan pendidikan Islam.

**Kata Kunci:** *Pendidikan Integratif, Pendidikan Islam Integratif, Madrasah*

## **Pendahuluan.**

Islam dan pendidikan merupakan satu kesatuan yang tidak boleh dipisahkan kerana dalam ajaran Islam mengandungi pendidikan dan pengajaran. Hal ini dapat dibuktikan oleh kemajuan sains dan teknologi yang dipelopori oleh umat Islam Arab antara abad ke -8 M hingga abad ke -13 M. Pembuktian ini dapat dilihat menerusi hasil rekapipta dan teori sains yang menjadi rujukan dalam bidang sains yang masih terpakai sehingga kini. Kemudian hari, ilmu sains dan teknologi ini dikuasai oleh Negara Barat dan kawasan Timur seperti Jepun. Sempena meraih kembali kemuncak kemajuan pendidikan dalam sains dan teknologi, umat Islam sepatutnya mempelajari kembali ilmu sains dan teknologi dari Timur mahupun Barat dengan tujuan untuk menata kembali kemajuan pendidikan Islam.<sup>3</sup> Pandangan yang mengatakan tiada pemisahan antara ilmu dan agama, ialah antara yang mengilhami khalifah Bani Abbasiyah (750M-1258M) untuk memajukan peradaban terutama pada masa khalifah Jakfar Al-Mansur, Khalifah Al-Makmun dan khalifah Harun Al-Rasyid. Kemajuan peradaban khalifah Bani Abbasiyah bukanlah murni hasil upaya khalifah Islam namun merupakan hasil perubahan dari peradaban Greek kepada Islam yang jauh lebih maju.<sup>4</sup>

Ajaran agama Islam tidak hanya mengajarkan kepada umatnya masalah ibadah sahaja, bahkan agama Islam mengajarkan kepada kita aspek yang lain, seperti ilmu pengetahuan. Dengan mengkaji ilmu pengetahuan yang bersumber al-Qur'an dan al-Hadis kita akan dapat menemukan jawapan pelbagai permasalahan di atas. Kedua sumber tersebut dikaji dan dikuasai oleh umat Islam sebagai panduan yang jika dihubungkan dengan Islam, maka ia disebut ilmu-ilmu keislaman<sup>5</sup> Namun demikian terjadi perselisihan faham penggunaan perkataan Islam diujung disiplin ilmu, misalnya ekonomi Islam, ilmu pendidikan Islam dan lain-lain lagi. Di kalangan perguruan tinggi agama di bawah naungan Kementerian Agama seperti Universiti Islam Negeri (UIN) dan Institut Agama Islam Negeri (IAIN) menggunakan ungkapan Islam seperti ilmu pendidikan Islam.<sup>6</sup>

Pergerakan perkembangan sains dan teknologi berlaku dengan pantas. Perkembangan ini berlaku bukan sahaja tertumpu dalam bidang sains yang sedia ada, bahkan telah merebak ke bidang-bidang lain seperti biologi, fizik dan kimia. Kemajuan bidang sains ini menjadi asas kepada penerokaan dalam bidang baharu, seperti bidang nanoteknologi. Tambahan lagi, perkembangan sains ini tidak akan terhenti setakat ini sahaja, bahkan terus berkembang. Namun, kemajuan bidang sains ini akan menimbulkan pelbagai isu dari segi nilai dan etika apabila tidak adanya penyelerasan dan persediaan dari unsur sains dan sosial. Hal ini perlu diselesaikan sebelum akibat lebih buruk berlaku di masyarakat. Perbincangan tentang sains, nilai dan etika sangat rancak di dunia Barat bukan sahaja memberi tumpuan sains dari sudut

<sup>3</sup> Faisal Ismail, *Masa Depan Pendidikan Islam Di Tengah Kompleksitas Tantangan Modernitas* (Jakarta: PT. Bakti Aksara Persada, 2003 ), 3.

<sup>4</sup> Afrahul Fadhila Daulai, " Islamisasi Ilmu Pengetahuan Perspektif Filsafat Pendidikan Islam" . *Jurnal Analytica Islamica* , vol. 15. No. 1, ( May 2013), 73.

<sup>5</sup> Nawir Yuslem, " Studi Islam dan Pendekatan Integratif," *Jurnal Analytica Islamica*, vol. 15. No. 1, ( May 2013), 91.

<sup>6</sup> Afrahul Fadhila Daulai, " Islamisasi Ilmu Pengetahuan Perspektif Filsafat Pendidikan Islam", *Jurnal Analytica Islamica*, 85.

teknikalnya, tetapi dalam masa yang sama berminat dan memberi tumpuan kepada pembahasan sains dari sudut nilai. Oleh kerana itu nilai mempunyai kepentingan tertentu. Kepercayaan seseorang individu terhadap sesuatu nilai akan mempengaruhi pemikiran, sikap dan tingkahlaku.<sup>7</sup> Dalam hal ini, dunia sains juga tidak terlepas daripada unsur nilai. Kenyataan ini mungkin berlainan dengan pandangan sebahagian sarjana Barat yang mana mereka beranggapan bebas nilai. Namun pandangan ini sangat berbahaya dan menyesatkan, kerana ia memisahkan antara sains dengan nilai.<sup>8</sup>

Sistem pendidikan Islam bersifat integral, utuh dan serba meliputi. Dengan erti kata ia bersifat menyeluruh, komprehensif dan mengandungi nilai-nilai dasar Islam. Di samping itu ia terpadukan dan terintegrasikan dalam ruang dan gerak aktivitas pendidikan pada semua pola, level dan tingkatan. Dengan kata lain pendidikan Islam berbeza dengan sistem pendidikan Barat sekular dan Komunis. Sistem pendidikan Islam tidak memisahkan nilai-nilai moral dan Ketuhanan dari nilai hidup keduniaan. Perkara ini jelaslah bahawa konsep pendidikan Islam mencapai matlamat keseimbangan antara kepentingan dunia dan akhirat agar kaum Muslimin boleh tampil sebagai hamba Allah dan begitu juga sebagai khalifah Allah di bumi ini yang mampu mengelola alam semesta ini.<sup>9</sup>

Ilmu pengetahuan dalam perspektif filsafat pendidikan Islam menginginkan pendidikan dibangun atas dasar tauhid yang dapat mengembangkan potensi jasmani dan ruhani secara menyeluruh, sehingga melahirkan peserta didik yang memahami dirinya sebagai khalifah Allah. Adapun sistem pendidikan yang dibangun atas dasar sekularisme yang mencabut akar-akar keyakinan kepada Allah yang mentadbir alam semesta ini. Sistem pendidikan sekularisme akan menghasilkan peserta didik yang hanya mengagungkan kekuatan akal dan tidak percaya kepada wahyu.<sup>10</sup> Di dunia Barat penggunaan akal dan indrawi disebut dengan pendekatan rasional dan empiris. Dari sudut aksiologi permasalahan selalu muncul adalah apakah ilmu itu bebas nilai atau netral nilai? Dalam Islam ilmu tidak bebas nilai, kerana tidak semua ilmu yang dihasilkan selari dengan seluruh budaya masyarakat, tradisi ilmu Barat belum tentu sesuai dengan tradisi di dunia Islam. Ilmu dalam Islam netral nilai, dengan kata lain ilmu mengandungi kebenaran berlaku pada seluruh budaya berdasarkan kepada nilai akhlak, etika, moral dan nilai *ilahiyyah*.<sup>11</sup>

### **Pengertian Pendidikan Islam Integratif.**

Pendekatan secara bersepadu juga mendekati kepada konsep integrasi yang mengandungi pengertian kejadian bergabung bersatu padu (antara beberapa bahagian).<sup>12</sup> Dalam Kamus Dewan pengertian integrasi mengandungi pengertian gabungan dua atau beberapa budaya, bahasa, kaum, menjadi satu kesatuan.<sup>13</sup> Dalam Kamus Dwibahasa *Oxford* integrasi ialah penyepaduan, penyatuan dan pencantuman.<sup>14</sup> Bagi Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Arab pengertian integrasi mengandungi pengertian *takamul* (perpaduan).<sup>15</sup> Pengertian integrasi selari dengan ungkapan *integrate*. Dalam

---

<sup>7</sup> Azrina Sobian, *Sains dan Nilai*, cet. ke-1. (Shah Alam: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2014), 3.

<sup>8</sup> *Ibid*, 5.

<sup>9</sup> Faisal Ismail, *Masa Depan Pendidikan Islam Di Tengah Kompleksitas Tantangan Modernitas*, 10-11.

<sup>10</sup> Afrahul Fadhila Daulai, "Islamisasi Ilmu Pengetahuan Perspektif Filsafat Pendidikan Islam" *Jurnal Analytica*, 72.

<sup>11</sup> *Ibid*, 86.

<sup>12</sup> Yunus Maris, *Kamu fajar* (Selangor: Fajar Bakti. Sdn. Bhd, 1984), 278.

<sup>13</sup> Kamus Dwibahasa, cet. ke-1. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2012), 610.

<sup>14</sup> Joyce M. Hawkins, *Kamus Dwibahasa Oxford Faja*, ed. ke-4, (Shah Alam: Fajar Bakti, 2008), 212.

<sup>15</sup> Abd. Rauf Hasan, Abdul Halim Salleh et al. *Kamus Bahasa Melayu- Bahasa Arab* (Selangor: Fajar Bakti. Sdn. Bhd, 2005), 318.

Kamus Dwibahasa *Oxford* pengertian integrate membawa maksud *cantum* (kepada satu): satukan.<sup>16</sup> Pengertian integrate sama artinya dengan integral. Dalam Kamus Inggris Indonesia, yaitu: bulat, dan keutuhan.<sup>17</sup> Pengertian integral dalam Kamus Alif Baru Inggris Malaysia mengandung pengertian lengkap sempurna.<sup>18</sup>

Terdapat perbezaan sudut pandang pengertian pendidikan bersepadu dikalangan masyarakat dan ahli pendidik. Ada yang mengatakan pendidikan sepadu iaitu gabungan Sains Paduan dan Sain Moden, dengan kata lain ilmu-ilmu berhubungkait dengan Ilmu Sains dan cabang-cabangnya seperti Biologi, Fizik, Kimia dan Matematik. Konsep integrasi, hanya terbatas pada disiplin-disiplin akal. Dari sudut yang lain seperti ilmu-ilmu yang bersifat wahyu diabaikan begitu sahaja. Oleh yang demikian konsep integrasi hendaklah menyatupadukan antara akal dan ilmu wahyu.<sup>19</sup>

Penggunaan istilah integratif sudah menjadi istilah di Indonesia. Hal ini dapat dibuktikan kenyataan yang diungkapkan Indra Djati Sidi, melalui tesis Ph.D yang menyatakan bahawa bagi membentuk keperibadian pelajar yang selari dengan tujuan Pendidikan Nasional Indonesia tidak cukup hanya dengan mendedahkan subjek tentang keimanan dan ketakwaan, ia perlu menerapkan pendekatan integratif ke dalam semua mata pelajaran. Contoh dalam mata pelajaran agama silibusnya merangkumi isi kandungan yang membahas topik nilai akhlak seperti perbuatan baik dan buruk dalam kehidupan bermasyarakat yang melibatkan metode pembelajaran berkesan. Tambahnya lagi muatan pelajaran, bahan pembelajaran dan metode pembelajaran perlu diubah. Contoh dalam mata pelajaran akademik seperti Ilmu Pengetahuan Alam (Biologi) dan Matematik. Dalam perkara ini, pelajar perlu dilatih untuk berfikir dan menyelesaikan berhubungkait dengan subjek yang diajarkan.<sup>20</sup>

Contoh lain, istilah integratif yang digunakan dalam ketetapan kurikulum SKB Tiga Menteri turut menyempurnakan antara kurikulum madrasah dengan kurikulum sekolah. Dalam hal ini kurikulum subjek agama di madrasah 30% selebihnya subjek umum. Untuk memberi jalan keluar kekurangan mata subjek agama di madrasah tersebut, maka perlu diterapkan sistem pendidikan integratif (memasukan subjek agama dalam subjek umum ataupun sebaliknya).<sup>21</sup>

Berdasarkan pengertian di atas, bersepadu, integrasi, integral dan integratif mengandung pengertian yang sama sahaja. Perbezaan makna terletak kepada penggunaan perkataan tersebut. Namun begitu dalam konteks kurikulum, konsep integratif boleh diertikan sebagai gabungan pendidikan agama dan pendidikan akademik. Kedua pendidikan tersebut diintegrasikan (dimasukkan atau dipadukan).

### **Konsep Pendidikan Islam Integratif.**

Pemisahan dualisme pendidikan bukan masalah yang baru dalam dunia pendidikan, tetapi persoalan ini sudah lama dibincangkan sama ada dalam forum-forum berskala nasional, mahupun dalam perbincangan yang terhad. Namun, perbincangan ini tidak juga selesai

---

<sup>16</sup> Joyce M. Hawkins, *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*, 212

<sup>17</sup> Johan M. Echols dan Hassan, *Kamus inggris Indonesia*, cet. ke-24. (Jakarta: PT. Gramedia, 2000 ), 326.

<sup>18</sup> Mohd Basri Yusuf dan Zaharina Lalif Noraini Abu, *Kamus Alif Baru Inggris Malaysia* (Selangor: al-Risalah, 2014), 111.

<sup>19</sup> Sidek Baba, *Tajdid Ilmu dan Pendidikan*, cet. ke-1. (Kuala Lumpur: Yayasan Ilmuwan, 2011 ), 12.

<sup>20</sup> Indra Djati Sidi, *Menuju Masyarakat Belajar*, cet. ke-1. ( Jakarta: PT. Logos Wacana Ilmu, 2001), 104-106.

<sup>21</sup> Maksum Muktar, *Madrasah Sejarah dan Perkembangannya*, cet. ke-3. (Jakarta: PT Logos Ilmu, 2001), 152

sampai sekarang. Adanya pemisahan antara ilmu agama dan ilmu akademik (umum) menunjukkan seakan-akan pendidikan Islam hanya mengambil berat permasalahan spritual sahaja. Sedangkan permasalahan bidang akademik dianggap bukan urusan pendidikan Islam seperti ilmu pengetahuan dan teknologi.<sup>22</sup> Konsep pendidikan yang dituntut dalam sistem pendidikan Islam mengandungi kesepaduan antara intelektual dan nilai-nilai agama. Pemisahan antara agama dalam norma kehidupan menyebabkan kecelaruan dalam gaya hidup seseorang. Pemisahan tersebut akhirnya mewujudkan istilah dikotomi dalam kehidupan, yang memisahkan antara agama dan tuntutan Agama Islam itu sendiri.<sup>23</sup> Bagi merealisasikan tujuan pendidikan yang dituntut agama Islam dengan cara menyatupadukan intelektual dan nilai-nilai agama, perlu diterapkan konsep pendidikan integratif (sepadu) yang diharap mampu mengatasi unsur dikotomi dan dualisme yang sekian lama wujud hingga menyebabkan modal insan yang tidak berkualiti.<sup>24</sup>

Konsep pendidikan bersepadu atau konsep pendidikan integratif beasaskan kepada prinsip pendidikan Islam yang mencakupi prinsip *mutakamil* (bersepadu dan menyeluruh). Pelbagai konsep pendidikan integratif telah banyak dikaji oleh para pakar pendidikan. Manusia yang merupakan objek pendidikan, ia memiliki jiwa dan ruh yang tidak boleh dipisahkan antara yang satu dengan yang lain. Menurut Syed Naquib Al-Attas, manusia terdiri dari dua kesatuan yang utuh (padu) iaitu *jasmani* dan *rohani*, dengan kata lain manusia makhluk jasmani dan makhluk spritual. Dalam jiwa manusia terbahagi kepada dua bahagian, ada yang bersifat kebinatangan (*al-nafs al-hayawaniyyah*) dan ada jiwa tinggi dan rasional. Dengan ini jiwa sebagai motor penggerak jasmaninya.<sup>25</sup>

Dalam hal ini juga Tajul Ariffin Noordin membahas konsep pendidikan bersepadu melalui tiga unsur iaitu: menyepadukan kaedah kognitif (akal) dan afektif yang mampu menyalurkan ilmu dan sekaligus membentuk manusia yang beramal dan takut kepada Allah SWT. Walau bagaimanapun penggunaan akal perlu di awasi supaya tidak lari dari wahyu yang sandarannya al-Quran dan al-Hadis. Dengan sandaran kedua nas tersebut, barulah tertib kaedah saintifik yang dilaksanakan.<sup>26</sup> Namun konsep bersepadu yang dikemukakan oleh Sidek Baba dengan menggunakan istilah integratif bermaksud sistem nilai yang membentuk kepada asas berfikir secara saintifik dan nilai-nilai yang baik sebagai pedoman menghasilkan ilmuwan dan saintis yang bertanggungjawab terhadap pengurusan sumber dan kemajuan. Selain itu, pada masa yang sama perlu adanya sifat amanah dan adil terhadap apa yang ditadbir atau diciptanya. Faktor nilai adalah merupakan faktor yang amat penting dalam proses membangun modal insan. Nilai di sini tidak bermakna suatu kayu ukur relatif, nisbi atau yang terbina atas faktor semasa sahaja, tapi nilai di sini merupakan sumber hikmah yang datangnya dari Tuhan. Hikmah tersebut memandu dan menjadi pedoman manusia supaya dapat mentadbir sesuatu dengan baik, amanah dan ikhlas berasaskan prinsip-prinsip peraturan hukum Islam.<sup>27</sup>

---

<sup>22</sup> Hujair AH. Sanaky, MSI, *Paradigma Pendidikan Islam: Membangun Masyarakat Madani Indonesia*, cet. ke-1. (Yogyakarta: Safiria Insania Press, 2003), 97-97.

<sup>23</sup> Sidek Baba, *Tajdid Ilmu dan Pendidikan*, 1-2.

<sup>24</sup> *Ibid*, 101.

<sup>25</sup> Syed Muhammad Naquib Al-Attas, "Konsep Agama dan Dasar Dari Etika dan Moralitas," dalam *Tentang Islam* ed Altaf Gauhar, terj Anas Mahyuddin. (Bandung: Institut Teknologi Bandung, 1983), 49.

<sup>26</sup> Untuk keterangan lanjut konsep pendidikan dalam sistem pendidikan Islam yang dikemukakan oleh Kasim Ahmad dengan cara menyatupadukan pendidikan *tradisional* dan *moden*. Syukri Salleh (1984). Model yang dicadangkan beliau berdasarkan kepada konsep wahyu. Dalam konteks ini menyatupadukan akal dengan wahyu. Hasilnya akan melahirkan manusia yang bertakwa. Dengan ini jelaslah pendidikan tersebut dapat menghasilkan dan membentuk manusia *kamil* (sempurna). Lihat Tajul Ariffin Noordin, *Konsep Asas Pendidikan Sepadu*, cet. ke-1. (Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1988), 27-31.

<sup>27</sup> Djafar Sidik, *Pendidikan Muhammadiyah: Perspektif Ilmu Pendidikan*, cet. ke-1. (Bandung: Citapustaka Media 2007), 101- 102

Berdasarkan beberapa konsep pendidikan integratif yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh pendidikan di atas, Mahayudin Yahaya menyimpulkan beberapa perkara seperti berikut:

- I. Konsep pendidikan Islam adalah berasaskan kepada keseimbangan dan integrasi antara akal, roh dan jasad. Ia penting bagi menggunakan seluruh potensi fitra manusia agar dapat melaksanakan tugasnya sebagai hamba Allah.<sup>28</sup>
- II. Proses pendidikan Islam adalah, pendidikan sepanjang hayat. Punca prosesnya ialah kesatuan pengetahuan dengan tindakanya, dengan kata lain ilmu pengetahuan yang dituntut dapat merubah prilakunya dalam kehidupan sehari-hari dan masyarakat. Apabila keduanya bersepadu, maka wujudlah tujuan pendidikan Islam, apabila keduanya terpisah akan mewujudkan masalah pada pribadinya dan masyarakat.
- III. Konsep ilmu pengetahuan dalam pendidikan Islam adalah pengetahuan yang pasti, kerana lebih tinggi derajatnya daripada penggunaa akal semata-mata. Oleh kerana itu akal manusia haruslah dididik dengan kebenaran selari dengan konsep wahyu yang bersumberkan al-Qur'an.

Berkenaan dengan kedudukan akal manusia sebagai sumber epistemologi (sumber ilmu), Islam mengiktiraf wujudnya batasan yang mampu dicapai oleh akal manusia. Data-data yang diperolehi melalui fakulti akal adalah bersifat rasio dan apriori. Demikian pula akal fikiran manusia yang baik sangat diambillberat dalam Islam kerana antara syarat seseorang itu ditaklifkan dengan hukum syarak ialah mempunyai akal yang sempurna. Perkataan sihat bagi perkataan akal sebagai saluran ilmu disebabkan akal sering dipengaruhi oleh imaginasi dan ramalan yang terkadang boleh menghasilkan keputusan yang salah walaupun berdasarkan kepada maklumat yang betul. Dalam hal ini, beliau memberi contoh ketika akal menafikan untuk memahami realiti spritual melalui intuisi, iaitu daya lain daripada akal manusia<sup>29</sup> Hal ini menurut pandangan Al-Gazali ilmu-ilmu agama merupakan ilmu yang paling utama di atas keaneka ragaman tersebut, kerana ia dapat dicapai oleh akal yang sempurna dan pikiran yang jernih.<sup>30</sup> Menurut Yusuf Al-Qardhawi akal manusia merupakan forum dan media komunikasi bagi *syariat* Islam yang bertugas mempelajari dan memahami isi kandungan al-Quran dan sunnah. Akal juga menentukan hukum-hukum yang tidak terdapat dalam kedua nas tersebut melalui peranan ijtihad. Dengan ini penggunaan akal tidak terlepas daripada sumber wahyu.<sup>31</sup> Adapun menurut Hasan Langgulung, beliau menyatakan bahawa sekiranya manusia menjadi objek suatu pendidikan maka nilai punca pendidikan dapat diukur melalui penghargaan akal manusia di mana ianya menjadi alat yang digunakan untuk memahami, berfikir, belajar, dan merenung. Begitu juga al-Qur'an turut membincangkan hal berkenaan keistimewaan orang-orang yang menggunakan akal dalam hal aqidah dan perintah (kewajiban).<sup>32</sup>

Sistem pendidikan Islam yang telah digariskan al-Qur'an dan al-Hadis mampu menyempurnakan keperluan akal manusia dan memaksimumkan peranannya sebaik mungkin dalam membina modal insan dan menjadi pemangkin kemajuan negara. Ini bermakna, falsafah pengajaran pendidikan Islam menawarkan pendekatan dan kaedah pengajaran dan

---

<sup>28</sup> Mahayudin Yahaya, *Tamadun Islam* (C V. Shah Alam: Fajar Bakti, 1998), 296-297.

<sup>29</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud, *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas Satu Urain Konsep Asli Islamisasi*, cet. ke-1. (Kuala Lumpur : University Malaya, 2005 ), 96. Lihat Basri Bin Husin “,Beberapa Aspek Epistimologi,”*Jurnal Ushuluddin Universiti Malaya, bahagian Pengajian Ushuluddin APIUM*, bil. 30, (2009), 200.

<sup>30</sup> Fathiyah Hasan Sulaiman , *Al-Gazali dan Platom Dalam Aspek Pendidikan*, terj M. Mochtar Zoerni dan Baihaki Shafiuddin, cet. ke-1. (Surabaya: P.T. Bina Ilmu, 1990), 26-27.

<sup>31</sup> Yusuf Al-Qardhawi, *Wawasan Islam Antara Keaslian dan Kemodenan*, terj Ahmad Nuryadi Asmawi, cet. ke-1. (Selangor: Thinkers Library Sdn. Bhd 1996), 133.

<sup>32</sup> Hasan Langgulung, *Beberapa Tinjauan Dalam Pendidikan Islam*, cet. ke-1. (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1981), 182-183.

pembelajaran yang efektif sehingga mampu menghasilkan generasi yang berfikir kritis, inovatif dan kreatif sebagai agen perubahan bangsa dan negara. Dalam falsafah pendidikan Islam juga turut merupakan satu pemikiran yang mendalam tentang tanggungjawab dan proses mendidik manusia dengan memberi ilmu bersumberkan kepada nas al-Qur'an dan al-Hadis supaya mereka mengenal Allah S.W.T, bertanggungjawab sebagai hamba-Nya dan khalifah serta dapat melaksanakan tanggungjawab dengan betul. Perkara tersebut dibincangkan dalam Kurikulum Pendidikan Islam kemudian disalurkan melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang betul.<sup>33</sup>

Prinsip pendidikan akal juga menjadi perhatian dalam Islam dengan mengembangkan seluruh potensi akal berfikir secara Islamik dan ilmiah. Oleh kerana itu, pemikiran akal semata-mata sudah tentu dipengaruhi ilusi, penyimpangan dan keraguan. Bagi merangkumi daya kefahaman yang selari dan benar perlu mendapatkan sokongan daripada sumber wahyu.

Akal dan wahyu memiliki tiga prinsip persamaan yang salah satunya ialah: Kesatuan kebenaran merumuskan bahawa berdasarkan wahyu, kita tidak boleh membuat dakwaan yang bertentangan dengan kenyataan. Pernyataan yang bersumberkan kepada wahyu mutlak benar, ia saling berhubungan dan selari dengan kenyataan sesuatu yang amat mustahil bahawa Tuhan jahil dan sengaja menyesatkan manusia.<sup>34</sup>

### **Pendekatan Pendidikan Integratif**

Di zaman keagungan Islam, tidak ada pemisah antara corak keagamaan dan keduniaan, bahkan tidak ada pemisah antara aliran sekular dan akademik mahupun ilmu agama dan bukan agama. Sumber ilmu adalah wahyu melalui perantaraan Rasulullah SAW. Agama yang berasaskan wahyu ini mempunyai nilai-nilai yang menyeluruh, merangkumi semua bidang keperluan dan kepentingan manusia sama ada rohani mahupun jasmani. Kandungan al-Qur'an telah jelas menerangkan nilai-nilai baik dan buruk dengan menggunakan perkataan *khair* (baik) dan *syar* (buruk). Bagi menilai segala aktiviti manusia mengikut pandangan hukum *syar'i*, manusia tidak akan keluar daripada lima hukum iaitu: wajib, haram, sunat, makruh dan harus. Oleh kerana itu bertolak daripada kenyataan ini, maka menuntut ilmu adalah perkara yang diwajibkan terhadap orang-orang Islam untuk mencapai kebahagiaan kehidupan dunia dan akhirat.<sup>35</sup>

Justru itu dalam menghadapi perubahan globalisasi zaman, keupayaan spiritual perlu dipertingkatkan begitu juga tidak mengabaikan pendidikan sains dan teknologi.<sup>36</sup> Bagi merealisasikan tuntutan pendidikan tersebut subjek agama dan subjek umum haruslah bersepadu atau diintegrasikan. Apabila wujud pemisahan pendidikan agama dan pendidikan umum maka berlakulah dualisme pendidikan. Perkara telah menjadikan pendidikan Islam mengalami kemunduran dari semasa ke semasa. Kemajuan sistem pendidikan Barat yang menepikan pendidikan agama menyebabkan perilaku muslim yang terlalu mengikuti kebudayaan Barat. Akibatnya kaum muslim meninggalkan dan menjauhkan ajaran Islam

---

<sup>33</sup> Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Faridah Binti Che Husain, " Pendekatan Individu Dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sebagai Wahana Melahirkan Modal Insan Bertamadun" . *Jurnal Usuluddin*, bil 27. ( Jun 2008), 146-147.

<sup>34</sup> Untuk keterangan lanjut al-Faruqi, *Pengislaman Ilmu*, 39-42.

<sup>35</sup> Abd. Halim El-Muhammady, *Pendidikan Islam Isafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*, cet. ke-1. (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam, 1991), 3-4.

<sup>36</sup> Abd. Halim El-Muhammady, *Pendidikan Islam Peranaanya Dalam Pembangunan Ummah*, cet. ke-1. (Kuala Lumpur: Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah, 1994), IX.

yang bersumberkan al-Qur'an dan al-Hadis, bahkan ada yang beranggapan bahawa untuk menjadi maju hendaklah meniru budaya dan peradaban Barat.<sup>37</sup>

Jika kita kaji al-Qur'an dengan mendalam kita boleh merumuskan dan melaksanakan kurikulum bersepadu dengan sebuah falsafah dan metodologi yang unik. Al-Qur'an menjalin kepentingan yang maha tinggi iaitu apa sahaja yang berhubungkait dengan masalah pendidikan dan falsafah. Dalam al-Qur'an banyak menjelaskan asal usul penciptaan dan hubungan sifat *tabii insan*, analisis tatacara susunaan sosial dan dalil kewujudan alam dan tata cara untuk membentuk kerohanian insan dan lain-lain lagi.<sup>38</sup> Al-hadis juga mengandungi teori dan pengkaedahan pendidikan Islam dalam negara Islam. Beberapa ciri penting dalam kurikulum pendidikan Islam, antaranya :

- I. Kurikulum pendidikan Islam mewujudkan keperibadian bersepadu dan menyediakan individu untuk setiap aspek kehidupan.<sup>39</sup>
- II. Kurikulum pendidikan Islam bukan hanya melatih akal sahaja, akan tetapi melatih spritual.
- III. Kurikulum pendidikan Islam menanamkan kepercayaan (keimanan) dalam akal manusia, pemulihan akhlak dan membangun jiwa rohani. Berlandaskan tujuan akhir, ilmu yang didapati dapat membentuk keperibadian yang baik dalam kehidupan sehari-hari.
- IV. Kurikulum pendidikan Islam menuntut kita menjadi pewaris Nabi dan ulama yang berilmu pengetahuan luas. Baik ilmu agama maupun ilmu akademik seperti; Ilmu Tauhid, Psikologi, Pertanian, Matematik dan lain-lain lagi.

Merujuk kepada ungkapan di atas, jelaslah bahawa kurikulum pendidikan Islam menyatupadukan subjek agama dan subjek akademik. Oleh kerana itu, untuk menghubungkan ilmu agama dengan ilmu umum melalui pendekatan pendidikan Islam integratif. Dalam hal ini, langkah-langkah pendekatan pendidikan Islam integratif antaranya:

#### **a. Pendekatan historis.**

Menerusi konsep kesepaduan ini Islam telah berjaya menghasilkan para ilmuan yang teragung . Hasil kajian mereka senantiasa menjadi asas kepada kajian dan ilmu moden masa kini. Diantara tokoh-tokoh pendidikan Islam integratif yang memberi sumbangan kepada kejayaan tamadun Islam ialah: AL-Kindi (809 M ), AL-Farabi (961 M), Ibnu Sina (980 M), Al-Ghazali (1058 M), Ibnu Rusyd (1126 M), dan lain-lain lagi. Sumbangan mereka antaranya dalam bidang matematik, perubatan, astronomi, fizik, kimia, geometri, biologi dan falsafah.<sup>40</sup> Disiplin ilmu yang mereka pelajari pelbagai bidang bertolak kepada prinsip agama Islam dan ilmu tidak ada sama sekali bertentangan, bahkan agama Islam itu sendiri banyak mengandungi ilmu pengetahuan, Islam menganjurkan umatnya cinta kepada ilmu, tetapi juga memerintahkan

---

<sup>37</sup>Yuldelasharmi, "Dikotomi Ilmu Pengetahuan, Akar Tumbuhnya Dikotomi Ilmu dalam Peradaban Islam" dalam *Sejarah Pendidikan Islam*. Samsul Nizar (ed), cet. ke-3. (Jakarta: Kencana Prenada Group, 2008), 231-232.

<sup>38</sup>M. H. Al-Afendi, "Menuju Ke Arah Kurikulum Islam" dalam Muhammad Hamid Al-Afendi dan Ahmed Nabi Baloch, *Kurikulum dan Pendidikan Guru*, terj Ahmad Jaffni Hasan at el. cet. ke-1. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990 ), 3.

<sup>39</sup>*Ibid*, 21-22.

<sup>40</sup>Tajul Ariffin Noordin, *Konsep Asas Pendidikan Sepadu*, 23.



menuntut, memburu, ilmu dimana sahaja ia berada dan mengembangkan sebanyak mungkin, dengan matlamat kebaikan manusia sejagat.<sup>41</sup>

## **b. Islamisasi ilmu.**

Pada dasarnya Islam tidak membezakan ilmu agama dengan ilmu umum. Hal ini berdasarkan kepada tokoh-tokoh Islam yang memiliki ilmu agama dan akademik. Adapun yang setuju dengan konsep Islamisasi ilmu dengan cara membuat konsep pembahagian ilmu seperti yang dilakukan oleh Al-Farabi menulis buku yang berjudul *Ihsha' al-Ulum*, Imam Al-Ghazali menulis buku *Ihya Ulumuddin*, Osman Bakar menulis buku *Hierarki Ilmu Membangun Kerangka Pikir Islamisasi Ilmu*, Syed Naguib Al-Attas, Al-Farugi dan lain-lain lagi.<sup>42</sup>

Dengan ini gagasan Islamisasi ilmu pengetahuan sudah berlangsung lama dalam dunia Islam sejak zaman dinasti Abbasiyah bukanlah merupakan konsep baharu dalam dunia pendidikan Islam mungkin hanya beda istilah sahaja. Namun ketika umat Islam dalam posisi kemunduran dan ingin bangun daripada kemunduran gagasan Islamisasi ilmu hal itu dianggap baharu. Projek Islamisasi ilmu yang dicetuskan oleh Al-Farugi telah menimbulkan beragam persepsi di kalangan umat Islam dan kaum intelektualnya, kecenderungannya hampir setuju dengan konsep Islamisasi ilmu pengetahuan, namun demikian masih ada yang tidak setuju. Konsep Islamisasi ini diterima di sistem-sistem pendidikan Islam yang moden di Indonesia seperti; pondok pesantren, madrasah, Universiti Islam Negeri (UIN) dan lain-lain.<sup>43</sup>

Integrasi ilmu-ilmu umum dan ilmu keislaman, merupakan usaha yang dilakukan oleh pemikir Islam adalah dengan cara pengintegrasian kembali ilmu umum dan ilmu keislaman. Istilah ini lebih popular dalam konteks integrasi adalah islamisasi.<sup>44</sup> Menurut pandangan Sidek Baba Integrasi ilmu dan Islamisasi ilmu merupakan penunjuk jalan yang terbaik terhadap kemelut yang berlaku. Sekiranya lembaga-lembaga pendidikan Islam menjadikan konsep integrasi ilmu dan Islamisasi ilmu dijadikan sebagai agenda, maka ajaran Islam yang diterapkan bukanlah menjadi ajaran yang beku tetapi ciri dinamis pemimpin zaman dan mendukung perubahan. Cara untuk mentegrasikan dan islamisasi ilmu dengan merubah kurikulum, metodologi pembelajaran, penilaian, dan kualiti pendidikan haruslah memiliki kualiti (*murabbi*, *mualim*, dan *muadib*).<sup>45</sup> Dalam hal ini juga beliau memberi gambaran integrasi dan islamisasi pendidikan Islam yang berlangsung di Makkah pada tahun 1977 jangan dijadikan ungkapan sejarah sahaja. Konteks pendidikan Islam tersebut haruslah dijadikan sebagai agenda kemajuan pendidikan Islam dari semasa ke semasa. Bagi merealisasikan tuntutan pendidikan Islam tersebut, faktor yang paling utama haruslah menciptakan sumber daya manusia yang berkualiti.<sup>46</sup>

<sup>41</sup> Sabri Salamon, "Falsafah Pendidikan Islam dan Dasar Pelajaran Malaysia" dalam *Masalah Pendidikan Islam Di Malaysia* Sabri Salamon dan Haron Din, cet. ke-2. (Kuala Lumpur:Al-Rahmaniah, 1988), 11.

<sup>42</sup> Untuk keterangan yang lebih jelas lagi pelopor Islamisasi ilmu pengetahuan. Lihat Afrahul Fadhila Daulai, "Islamisasi Ilmu Pengetahuan Perspektif Filsafat Pendidikan Islam". *Jurnal Analytica Islamica*, 72-74

<sup>43</sup> *Ibid*, 74.

<sup>44</sup> Yuldelasharmi, "Dikotomi Ilmu Pengetahuan, Akar Tumbuhnya Dikotomi Ilmu dalam Peradaban Islam" dalam *Sejarah Pendidikan Islam*. Samsul Nizar, (ed), 235..

<sup>45</sup> Sidek Baba, *Tajdid Ilmu dan Pendidikan*, 5.

<sup>46</sup> *Ibid*, 17

Persidangan pendidikan Islam di Mekkah yang dianjurkan merupakan idea untuk memperkenalkan integrasi ilmu dan Islamisasi ilmu. Gagasan islamisasi Ismail Razi Alfaruqi di Washington, merupakan suatu usaha dalam mengislamisasikan ilmu pengetahuan. Sumbangan beliau dalam islamisasi ilmu mendapat sambutan di negeri-negeri Islam seperti: Mesir, Jordan, Malaysia dan Indonesia. Pemikiran Islamisasi ini juga mendapat persetujuan yang sama oleh Syed Muhammad Naquib Alatas. Hal ini terbukti dalam persidangan yang diadakan di Makkah (1977), dimana beliau memberi cadangan dalam persidangan tersebut tentang islamisasi ilmu yang perlu diterapkan kepada manusia.<sup>47</sup>

Gabungan antara ilmu dan pendidikan Islam telah berjaya melahirkan Muslim yang beriman, berakhlak, berilmu dan berkhidmat untuk masyarakat demi mencari keredaan Allah. Hal ini terjadi sekiranya tiada pengasingan antara subjek agama dan subjek umum. Hasilnya impak yang positif akan wujud dalam generasi Islam yang berpandangan luas dan seimbang dari aspek rohani, jasmani dan lain-lain.<sup>48</sup> Islamisasi ilmu pengetahuan, iaitu dengan memasukkan ajaran Islam kedalam disiplin ilmu dengan prinsip keimanan, tauhid dan tidak mengambil sebulat-bulatnya ilmu-ilmu daripada orang Barat.<sup>49</sup>

Kesepaduan kedua tuntutan tersebut sangat dituntut dalam pendidikan Islam. Justeru proses mengislamisasikan disiplin ilmu belum terlaksana dan masih jauh untuk dicapai. Oleh itu, Jabatan Agama dan para ahli pendidikan di perguruan tinggi haruslah berusaha memberi sumbangan dalam pendidikan Islam dari semasa ke semasa dengan memikirkan cara untuk memasukkan konsep islamisasi ilmu kedalam kurikulum. Konsep ini selari dengan tuntutan pendidikan Islam sendiri iaitu: pendidikan Islam sangat memperhatikan pengembangan seluruh aspek manusia, ketuhanan, akhlak, perkembangan akal, jasmani, kemasyarakatan, kejiwaan, keindahan dan keterampilan. Hal ini menjadikan ia sebuah rencana pendidikan Islam yang ideal dapat memberi impak dalam perkembangan disiplin ilmu dan potensi manusia. Jadi ia selaras dengan konsep atau falsafah pendidikan Islam yang tidak memisahkan ilmu agama dengan ilmu akademik.<sup>50</sup>

Pendekatan konsep islamisasi ilmu pengetahuan sangat dituntut dalam perkembangan ilmu pengetahuan dewasa ini. Pendekatan konsep tersebut bertujuan untuk mempertajamkan minda dengan ideologi Islam supaya dapat membersihkan daripada perbuatan-perbuatan yang dilarang dalam hukum Islam seperti perbuatan rasuah, pemincilan dan kelembapan (keterbelakangan). Pengislaman ilmu pengetahuan juga merupakan langkah pembaharuan pemikiran dalam perkembangan ilmu pengetahuan. Pengislaman ilmu pengetahuan tidak terlepas daripada nilai-nilai agama, bukan sahaja memperhatikan perkembangan intelektual.<sup>51</sup>

Perpaduan ilmu agama dan ilmu umum perlu di analisis dalam sistem pendidikan dan pengajaran. Pandangan ini juga sering dikaitkan dengan menggunakan istilah Islamisasi ilmu pengetahuan. Sejak Barat mendominasi ilmu pengetahuan dan teknologi, pengaruh ilmu Islam semakin mundur. Justeru beberapa langkah harus diambil untuk memberi saingan kepada kemajuan ilmu pengetahuan di Barat. Terdapat beberapa langkah yang dicadangkan

<sup>47</sup> Zuraidah Bin Othman, "Pendidikan Islam Integratif : Kajian Terhadap pendekatan Sidek Baba" (Tesis Doktor Falsafah Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2015 ), 216.

<sup>48</sup> Abd. Halim El-Muhammady, *Pendidikan Islam Peranaanya Dalam Pembangunan Ummah*, XI.

<sup>49</sup> Yuldelasharmi, "Dikotomi Ilmu Pengetahuan, Akar Tumbuhnya Dikotomi Ilmu dalam Peradaban Islam" dalam *Sejarah Pendidikan Islam* ed Samsul Nizar, 237.

<sup>50</sup> Haidar Putra Daulay, *Historisitas Dan Eksistensi Pesantren Sekolah dan Madrasah*, cet. ke-1. ( Yogyakarta : Tiara Wacana, 2001), 157.

<sup>51</sup> AL-faruqi, *Pengislaman Ilmu*, terj Mustafa Kasim, cet. ke-1. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 103.

oleh Ismail Razi Alfaruqi untuk pengislaman ilmu pengetahuan iaitu: menjelaskan pengislaman ilmu pengetahuan dapat meletakkan suatu perkara dengan mengguraikan beberapa kategori iaitu prinsip, kaedah, masalah dan tema. Seseorang haruslah bijaksana dalam menentukan kategori iaitu prinsip, kaedah, masalah mahupun tema dalam sesuatu permasalahan. Langkah seterusnya mengkaji penyelidikan-penyelidikan orang yang terdahulu. Hal ini untuk menguatkan disiplin ilmu yang dikaji dan dianalisis. Perkara yang lain juga dalam islamisasi ilmu, perlu mengetahui ilmu-ilmu moden yang datang daripada Barat seperti bidang sains dan teknologi pembuktian. Disamping itu juga perlu mengkaji semula warisan-warisan para pemikir-pemikir Islam yang terdahulu dan menghubungkan ilmu-ilmu daripada Barat dengan disiplin ilmu Islam.<sup>52</sup>

### **c. Kurikulum integratif**

Pemerintah Indonesia mengambil berat terhadap pendidikan Islam termasuk madrasah, yang mana madrasah memberi bantuan kepada pemerintah dalam mencerdaskan kehidupan Bangsa Indonesia. Pembinaan madrasah diserahkan kepada Depertemen Agama. Tujuan pembinaan adalah agar madrasah berkembang secara berintegrasi dalam suatu sistem Pendidikan Nasional. Pemerintah (Kerajaan) menggariskan kebijaksanaan bahawa madrasah yang diakui dan memenuhi syarat untuk menyelenggarakan kewajiban belajar, harus berdaftar di bawah Jabatan Agama.<sup>53</sup> Perkembangan madrasah dalam subsistem pendidikan nasional, Maksu membahagi kepada dua tahap iaitu tahap lama dan tahap baru. Tahap lama perhatian pemerintah pada perkembangan mutu pendidikan madrasah kurang diperhatikan dengan kata lain pendidikan madrasah berdiri sendiri tanpa campur tangan pihak kerajaan. Hanya sahaja kerajaan membentuk Menteri Agama yang ditubuhkan pada tahun 1946 yang mengelola pendidikan madrasah. Oleh kerana itu pendidikan madrasah di bawah pengawasan Menteri Agama. Perkara ini disebabkan dua perkara iaitu: Formulasi untuk merealisasikan formasi tersebut dengan menegerikan madrasah.<sup>54</sup> Setiap madrasah memiliki acuan pendidikan tersendiri.<sup>55</sup>

Usaha pemerintah untuk menyatupadukan pendidikan madrasah setaraf dengan Pendidikan Nasional terbukti pada tahun 1967 yang mana institusi pendidikan madrasah di bawah pengawasan kerajaan dengan menegerikan (hak milik) sebahagian madrasah-madrasah di seluruh Indonesia. Usaha ini mendapat sambutan yang memberangsangkan dalam perkembangan madrasah di kalangan masyarakat. Hal ini terbukti dengan banyak pelajar yang mendaftar di institusi madrasah. Penegerian madrasah tersebut berlaku di peringkat ibtidaiyah, tsanawiyah, dan aliyah. Perkembangan selanjutnya tahun 1970-1973. Pada tahun 1970 pemerintah sudah merealisasikan kurikulum madrasah pada semua peringkat daripada

---

<sup>52</sup> AL-faruqi, *Pengislaman Ilmu*, 58-63.

<sup>53</sup> Achmad Patoni, *Metodologi Pendidikan Agama Islam*, cet. ke- 1. (Jakarta : PT. Bina Ilmu, (2004), 52.

<sup>54</sup> Maksu Muktar, *Madrasah Sejarah dan Perkembangannya*, cet. ke-3. (Jakarta: PT Logos Ilmu, 2001), 123.

<sup>55</sup> Acuan pendidikan madrasah yang ditetapkan setiap organisasi Islam berbeza antara yang satu dengan yang lain dari aspek tarap dan jenis. Acuan pendidikan madrasah menurut Kementerian Agama tentang susunan madrasah yang diterbitkan pada tahun 1946 taraf madrasah terbagi kepada dua taraf iaitu: Program tingkat rendah: Program pendidikannya selama 6 tahun dan Program lanjutan: Program pendidikannya selama 3 tahun. Perkembangan berikutnya dalam Peraturan Menteri Agama pada nombor 7 tahun 1952 untuk seluruh wilayah Indonesia. Adapun susunan madrasah iaitu: Program tingkat rendah: Program pendidikannya selama 6 tahun, program lanjutan: Program pendidikannya selama 3 tahun dan program tingkat atas: Program pendidikannya selama 3 tahun. Lihat Husni Rahim, *Arah Baru Pendidikan Islam Di Indonesia*, cet. ke-1. (Jakarta: PT Logos Wacana Ilmu, 2001 ), 54-55. Perkembangan berikutnya, menurut peraturan SKB 3 Menteri 1975. Susunan madrasah iaitu: Madrasah Ibtidaiyah, sederajat dengan sekolah dasar (Sekolah Rendah), Madrasah Tsanawiyah, sederajat dengan sekolah menengah pertama (sekolah menengah) dan madrasah aliyah, sederajat dengan sekolah menengah atas (sekolah menengah tinggi). Lihat Muktar, *Madrasah Sejarah dan Perkembangannya*, 150.

peringkat rendah hingga peringkat menengah tinggi. Penetapan kurikulum ini berlaku di seluruh wilayah Indonesia pada tahun 1971. Pelaksanaan praktikal kurikulum tersebut baru berlaku pada tahun 1973. Oleh yang demikian madrasah mendapat pengakuan kerajaan Indonesia, akan tetapi belum lagi menjadi sistem pendidikan nasional. Subjek yang diajarkan di madrasah mengandungi subjek agama dan umum. Madrasah di bawah pengelolahan Depertemen Agama.<sup>56</sup> Untuk menyelaraskan madrasah dengan sekolah umum dari aspek kurikulum berlaku pada tahun 1974-1975. Pada tahun 1974 usulan kerjasama Kementerian Agama dan Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan, yang mana hasil keputusannya dikeluarkan berdasarkan kesepakatan tiga Menteri (Kementerian Agama, Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan dan Kementerian Dalam Negeri) yang dikenali dengan nama SKB Tiga Menteri tahun 1975.<sup>57</sup>

Pendidikan madrasah berbeza dengan sekolah umum yang setaraf dengannya. Pendidikan Agama Islam sebagai subjek pelajaran dasar atau asas sekurang-kurangnya madrasah memasukkan subjek umum mempunyai peratusan 70%. Adapun subjek agama 30%.<sup>58</sup> Sebelum berlakunya SKB 3 Menteri pendidikan agama mempunyai peratusan 70% bakinya pendidikan umum. Tujuan SKB 3 Menteri tersebut ialah meningkatkan mutu pendidikan madrasah selaras dengan sekolah umum. Maka untuk meningkatkan mutu pendidikan madrasah, perlunya perubahan kurikulum.<sup>59</sup> Pandangan Haidar Putra Daulay mengatakan dengan pemberlakuan SKB Tiga Menteri taraf madrasah sama dengan sekolah umum. Lulusan madrasah bukan sahaja melanjutkan pengajian di perguruan tinggi agama, bahkan lulusan madrasah boleh melanjutkan pengajian di perguruan tinggi akademik.<sup>60</sup> Pandangan Haidar Putra Daulay sama dengan pandangan Achmad Patoni, di mana beliau mengatakan kewujudan SKB Tiga Menteri, fungsi madrasah sebagai bahagian integral dari sistem pendidikan nasional semakin kuat sehingga lulusan madrasah boleh memperoleh kesempatan yang sama dengan lulusan sekolah akademik (umum).<sup>61</sup> Perkembangan berikutnya pengakuan madrasah dalam subsistem Pendidikan Nasional. Pengakuan ini tercantum dalam Peraturan Pemerintah Nombor 2 tahun 1989. Dengan demikian pengakuan madrasah memiliki hukum yang sama dengan sekolah umum, hanya sahaja madrasah memiliki kelebihan di bidang agama, berbanding dengan sekolah umum.<sup>62</sup>

Memandangkan sukatan subjek agama dan subjek umum tidak seimbang peratusnya, maka diperlukan metode dan materi integratif. Pelbagai cara pendekatan yang mewarnai pendidikan integratif dari aspek metode dan materi. Pandangan Maksim Muktar adalah selari dengan pandangan Haidar Putra Daulay. Menurut pandangan Maksim Muktar merujuk kepada pandangan Zakiyah Darajat dalam temubualnya, bahawa pendidikan agama dan

---

<sup>56</sup> Maksim Muktar, *Madrasah Sejarah dan Perkembangannya*, 141-142.

<sup>57</sup> *Ibid*, 149-150. Lihat Achmad Patoni, *Metodologi Pendidikan Agama Islam*, 53. Sebelum wujudnya SKB Tiga Menteri terjadi masalah sistem pendidikan madrasah. Pada Ketetapan Presiden ( kerajaan) Nomor 34 tahun 1972 bahawa pendidikan madrasah dikelolah oleh Depertemen Pendidikan dan Kebudayaan. Seolah-olah pendidikan madrasah mahu di tiadakan. Sebagai tindakan lanjut untuk menyelesaikan masalah tersebut, maka pada Intruksi Presiden Nomor 15 tahun 1974 yang mana hasilnya pendidikan agama dikelolah oleh Depertemen Agama Depertemen Pendidikan dan Kebudayaan. Untuk mencapai kesepakatan peraturan Nomor 34 tahun 1972 dan peraturan Nomor 15 tahun 1974 maka dibuat tanggungjawab bersama bagi memajukan dan pembinaan madrasah, maka keluarlah keputusan SKB Tiga Menteri 1975. Lihat Maksim Muktar, *Madrasah Sejarah dan Perkembangannya*, 147-149.

<sup>58</sup> Djaelani Timur, *Kebijaksanaan Kelembagaan Agama Islam*, cet. ke-1. (Jakarta: Dharma Bhakti, 1983), 39-40.

<sup>59</sup> Achmad Patoni, *Metodologi Pendidikan Agama Islam*, 53.

<sup>60</sup> Haidar Putra Daulay, *Historisitas Dan Eksistensi Pesantren Sekolah dan Madrasah*, 83-84. Lihat Sri Haningsih, "Peran Strategis Pesantren, Madrasah dan Sekolah Islam di Indonesia" *Jurnal el-Tarbawi*, vol. 1. No. 1, (2013), 32.

<sup>61</sup> Achmad Patoni, *Metodologi Pendidikan Agama Islam*, 53-54.

<sup>62</sup> M. Chabib Thoha, *Kapita Selekta Pendidikan Islam*, cet. ke-1. (Yogyakarta : Pustaka Pelajar, 1996), 41.

pendidikan akademik yang menjadi panduan kurikulum madrasah tidak seimbang dari segi peratusnya. Bagi mengimbangi mata pelajaran agama dan akademik konsep integratif perlu dipraktikkan. Melalui pendekatan ini mengintegrasikan mata pelajaran agama ke dalam mata pelajaran akademik dan sebaliknya dengan cara memasukan mata pelajaran agama ke dalam mata pelajaran akademik.<sup>63</sup> Kenyataan ini jelaslah bahawa pendidikan integratif yang dimaksudkan Maksu Muktar adalah melebur, dengan kata lain mata pelajaran agama dan umum menjadi satu kesatuan yang tidak terpisahkan. Pandangan Haidar Putra Daulay mengatakan, menyatupadukan pendidikan agama dan akademik. Kesepaduan itu tidak cukup dengan memasukkan mata pelajaran agama di sekolah-sekolah, dan memasukkan mata pelajaran akademik di institusi-institusi pendidikan Islam seperti pondok pesantren dan madrasah. Akan tetapi yang paling pentingnya adalah menyepadukan kedua disiplin ilmu, agar saling berhubungkait antara satu dengan yang lain. Salah satu usaha dalam menghubungkan kedua disiplin ilmu tersebut iaitu konsep islamisasi ilmu.<sup>64</sup>

Namun pandangan Moh. Roqib yang mengatakan, bahawa prinsip pendidikan integratif antara pendidikan agama dan pendidikan akademik haruslah seimbang dengan meletakkan mata pelajaran agama (akhirat) dengan mata pelajaran akademik (keduniaan), atau antara tuntutan rohaniah dan jasmaniah haruslah memilki peratusan yang seimbang.<sup>65</sup> Beliau menambahkan lagi pendidikan integratif berdasarkan kepada tujuan. Keseimbangan tidak semestinya sama, namun berdasarkan peratusan yang diberikan pada suatu hal secara keseimbangan, akan tetapi dalam kurikulum pendidikan Islam haruslah seimbang antara iman, ilmu, iman, islam, Ihsan, dunia dan akhirat, jasmaniah dan rohaniah.<sup>66</sup>

## **Kesimpulan**

Konsep pendidikan Islam integratif mengandungi dua unsur yang pokok iaitu: subjek agama dan subjek umum. Dari unsur yang pokok tersebut menghasilkan beberapa disiplin ilmu seperti akidah, *syariat*, psikologi (akhlak), sosial, intelektual (akal), ilmu wahyu dan lain-lain. Dengan gabungan beberapa disiplin ilmu keduniaan dan akhirat, akan melahirkan insan yang berilmu dan tidak bebas nilai (agama). Langkah-langkah pendekatan pendidikan integratif dengan pelbagai macam cara, antaranya: mengkaji ulang pemikiran ilmuan Islam terdahulu ( seperti AL-Kindi, AL-Farabi, Ibnu Sina, Al-Ghazali, Ibnu Rusyd), islamisasi ilmu dan kurikulum integratif.

Para peneliti terdahulu mendapati bahawa pendekatan sistem pendidikan integratif di Indonesia yang mereka kemukakan mengandungi pelbagai macam cara iaitu: *Pertama* dengan cara melebur, bukan dengan cara memasukan subjek agama di sekolah dan memasukan subjek umum di madrasah atau mengintegrasikan subjek agama dengan subjek umum. Sistem ini lebih dikenal dengan pengislaman ilmu. *Kedua* cara seimbang antara subjek agama dan subjek umum haruslah seimbang peratusnya.

Pelaksanaan pendidikan integratif di Indonesia bermula pada tahun 1946. Sistem pendidikan madrasah belum lagi berintegratif (bersepadu) dengan Sistem Pendidikan Nasional, hanya sahaja mendapat pengakuan dari kerajaan dibawah pengelolahan Menteri Agama. Pada tahun 1970-1973 merealisasikan kurikulum madrasah dari peringkat rendah sampai menengah. Pada tahun 1974-1975 madrasah menjadi bahagian kepada Sistem

---

<sup>63</sup> Maksu Muktar, *Madrasah Sejarah dan Perkembangannya*, 152.

<sup>64</sup> Haidar Putra Daulay, *Historisitas Dan Eksistensi Pesantren Sekolah dan Madrasah*, 159.

<sup>65</sup> Moh. Roqib., *Ilmu Pendidikan Islam, Pengembangan Pendidikan Integratif di Sekolah, Keluarga, dan Masyarakat*. Fuad Mustafid (ed), cet-ke 1. (Yogyakarta: Lkis, .2009), 32.

<sup>66</sup> *Ibid*, 85

Pendidikan Nasional. Dari aspek kurikulum madrasah sama dengan sekolah umum yang setingkat dengannya. Di samping itu juga kerjasama Kementerian Agama dan Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan. Pada tahun 1989 pembekuan madrasah, dengan ini madrasah sudah bahagian Sistem Pendidikan Nasional sepenuhnya. Pada tahap ini, madrasah sudah menjadi sekolah umum. Namun perbezaan madrasah dengan sekolah iaitu: Porsi mata pelajaran agama di madrasah lebih banyak

## **BIBLIOGRAFI.**

- Abd. Halim El-Muhammady, *Pendidikan Islam Isafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*, cet. ke-1. (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam, 1991).
- , *Pendidikan Islam Peranaanya Dalam Pembangunan Ummah*, cet. ke-1. (Kuala Lumpur: Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah, 1994).
- Abd. Rauf Hasan, Abdul Halim Salleh et al. *Kamus Bahasa Melayu- Bahasa Arab* (Selangor: Fajar Bakti. Sdn. Bhd, 2005).
- Achmad Patoni, *Metodologi Pendidikan Agama Islam* , cet. ke- 1. (Jakarta : PT. Bina Ilmu, 2004).
- Afrahul Fadhila Daulai, “ Islamisasi Ilmu Pengetahuan Perspektif Filsafat Pendidikan Islam” . *Jurnal Analytica Islamica* , vol. 15. no. 1, ( May 2013).
- AL-faruqi, *Pengislaman Ilmu*, terj Mustafa Kasim, cet. ke-1. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991).
- Basri Bin Husin “,Beberapa Aspek Epistimologi,”*Jurnal Ushuluddin Universiti Malaya, bahagian Pengajian Ushuluddin APIUM*, bil. 30, (2009).
- Djaelani Timur, *Kebijaksanaan Kelembagaan Agama Islam*, cet. ke-1. (Jakarta: Dharma Bhakti, 1983).
- Djafar Sidik, *Pendidikan Muhammadiyah: Perspektif Ilmu Pendidikan*, cet. ke-1. (Bandung: Citapustaka Media 2007)
- Faisal Ismail, *Masa Depan Pendidikan Islam Di Tengah Kompleksitas Tantangan Modernitas* (Jakarta:PT. Bakti Aksara Persada, 2003 ).
- Fathiyah Hasan Sulaiman , *Al-Gazali dan Platom Dalam Aspek Pendidikan*, terj M. Mochta Zoerni dan Baihaki Shafiuddin, cet. ke-1. (Surabaya: P.T. Bina Ilmu, 1990).
- Haidar Putra Daulay, *Historisitas Dan Eksistensi Pesantren Sekolah dan Madrasah*, cet. ke-1. (Yogyakarta: Tiara Wacana, 2001).
- Hasan Langgulung, *Beberapa Tinjauan Dalam Pendidikan Islam*, cet. ke-1. (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1981).
- Hujair AH. Sanaky, MSI, *Paradigma Pendidikan Islam: Membangun Masyarakat Madani Indonesia*, cet. ke-1. (Yogyakarta: Safiria Insania Press, 2003).
- Husni Rahim, *Arah Baru Pendidikan Islam Di Indonesia*, cet. ke-1. (Jakarta: PT Logos Wacana Ilmu, 2001 )
- Indra Djati Sidi, *Menuju Masyarakat Belajar*, cet. ke-1. ( Jakarta: PT. Logos Wacana Ilmu, 2001).
- Johan M. Echols dan Hassan, *Kamus inggris Indonesia*, cet. ke-24. (Jakarta : PT. Gramedia, 2000 ).
- Joyce M. Hawkins, *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*, ed. ke-4, (Shah Alam: Fajar Bakti, 2008).

- Kamus Dwibahasa, cet. ke-1. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2012).
- M. Al-Afendi, “Menuju Ke Arah Kurikulum Islam” dalam Muhammad Hamid Al-Afendi dan Ahmed Nabi Baloch, *Kurikulum dan Pendidikan Guru*, terj Ahmad Jaffni Hasan at el., cet. ke-1. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990 ).
- M. Chabib Thoha, *Kapita Selekta Pendidikan Islam*, cet. ke-1. (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 1996).
- Mahayudin Yahaya, *Tamadun Islam* (C V. Shah Alam: Fajar Bakti, 1998).
- Maksum Muktar, *Madrasah Sejarah dan Perkembangannya*, cet. ke-3. (Jakarta: PT Logos Ilmu, 2001).
- Moh. Roqib, *Ilmu Pendidikan Islam, Pengembangan Pendidikan Integratif di Sekolah, Keluarga, dan Masyarakat*, Fuad Mustafid (ed), cet-ke 1. (Yogyakarta: Lkis, 2009).
- Mohd Basri Yusuf dan Zaharina Lalif Noraini Abu, *Kamus Alif Baru Inggris Malaysia* (Selangor: al-Risalah, Abu 2014).
- Nawir Yuslem, “Studi Islam dan Pendekatan Integratif,” *Jurnal Analytica Islamica* , vol. 15. No. 1, ( May 2013).
- Sabri Salamon, “Falsafah Pendidikan Islam dan Dasar Pelajaran Malaysia” dalam *Masalah Pendidikan Islam Di Malaysia* Sabri Salamon dan Haron Din, cet. ke-2. (Kuala Lumpur:Al-Rahmaniah, 1988 ).
- Sidek Baba, *Tajdid Ilmu dan Pendidikan*, cet. ke-1. (Kuala Lumpur: Yayasan Ilmuwan, 2011).
- Sri Haningsih, “ Peran Strategis Pesantren, Madrasah dan Sekolah Islam di Indonesia” *Jurnal el-Tarbawi*, vol. 1. No. 1, ( 2013).
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas, “ Konsep Agama dan Dasar Dari Etika dan Moralitas,” dalam *Tentangan Islam*. Altaf Gauhar (ed), terj Anas Mahyuddin. (Bandung: Institut Teknologi Bandung, 1983).
- Tajul Ariffin Noordin, *Konsep Asas Pendidikan Sepadu*, cet. ke-1. (Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1988).
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Faridah Binti Che Husain , “ Pendekatan Individu dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sebagai Wahana Melahirkan Modal Insan Bertamadun” . *Jurnal Usuluddin*, bil 27. ( Jun 2008).
- Wan Mohd Nor Wan Daud, *Falsafah Dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al Attas Satu Urain Konsep Asli Islamisasi*, cet. ke-1. (Kuala Lumpur: University Malaya, 2005).
- Yuldelasharmi, “Dikotomi Ilmu Pengetahuan, Akar Tumbuhnya Dikotomi Ilmu dalam Peradaban Islam” dalam *Sejarah Pendidikan Islam*. Samsul Nizar (ed), cet. ke-3. (Jakarta: Kencana Prenada Group, 2008).
- Yunus Maris, *Kamu fajar* (Selangor: Fajar Bakti. Sdn. Bhd, 1984).
- Yusuf Al-Qardhawi, *Wawasan Islam Antara Keaslian dan Kemodenan*, terj Ahmad Nuryadi Asmawi, cet. ke-2. (Selangor: Thinkers Library Sdn. Bhd, 1996).
- Zuraidah Bin Othman, “Pendidikan Islam Integratif: *Kajian Terhadap pendekatan Sidek Baba*” (Tesis Doktor Falsafah Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2015 ).